

KEPRIHATINAN MASYARAKAT MELAYU-ISLAM DI MALAYSIA SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM KE-12 TAHUN 2008

Mohd Roslan Mohd Nor,*
Siti Nor Aisyah Ngadiran,**
Bainun Yusoff***

ABSTRACT

Result of the 12th General Election in Malaysia held in March 2008 was shocking. For the first time, the ruling party since 1951, Barisan Nasional (BN), had lost a majority of two thirds of the parliament. Defeat of many BN candidates have opened the eyes of some people that anything can happen in the election voting process. The ruling party is aware that if the people who declined to support them is not handled properly, it will add badly in the next election. Conversely, some people see that the phenomenon of many victories for candidates who join the Pakatan Rakyat (PR) does not give a good impression, especially on the future of Malay-Muslim. However, the efforts made to convince people that the way of progress and development will continue to run. This article finds that there are those who are still doubtful about the ability of PR to fight for the nation, even though their leaders appeal to be given opportunity to rule the country and implement the manifesto by using different approach to the existing government.

Keywords: PRU 12, Malaysian politics, the future of Malays, Islam, Barisan Nasional, Pakatan Rakyat, Anwar Ibrahim.

Pendahuluan

Malaysia secara konsisten dan berkala telah menjalankan pilihan raya bermula pada tahun 1955, iaitu pilihan raya pra-merdeka yang dikenali Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan. Kemudian, pilihan raya pertama selepas kemerdekaan pula diadakan pada tahun 1959, diikuti pada tahun 1964, 1969,¹ dan seterusnya iaitu setiap lima tahun sekali. Walau bagaimanapun, Pilihan Raya Umum ke 12 (PRU-12) pada 8 Mac 2008 telah mencipta satu iklim politik yang baru buat rakyat Malaysia. Pelbagai isu pasca PRU 12 telah muncul di mana telah

* **Mohd Roslan Mohd Nor, PhD.**, merupakan Pensyarah Kanan dan Ketua, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

** **Siti Nor Aisyah Ngadiran, BUs.**, merupakan pemegang biasiswazah Universiti Malaya dan calon pasca ijazah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Beliau pernah menjadi pembantu penyelidik.

*** **Bainun Yusoff, BUs.**, merupakan calon pasca ijazah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Beliau pernah menjadi pembantu penyelidik di jabatan tersebut.

menimbulkan pelbagai ketegangan di kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Fakta yang tidak boleh dipadam dan kekal sebagai dokumen sejarah ialah pada Pilihan Raya Umum ke 12 (PRU-12), 8 Mac 2008, iaitu kerajaan Barisan Nasional (BN) buat pertama kalinya hilang penguasaan majoriti 2/3 di Parlimen. Walaupun menang 140 daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan, ia tetap dianggap sesuatu yang '*pahit untuk ditelan*' iaitu '*kemenangan dalam kekalahan*'. Tidak mustahil keputusan pilihan raya 2008 ini menjadi titik tolak perubahan politik di Malaysia.

Pada pilihan raya ini, kedudukan kerusi Dewan Rakyat yang dimenangi menunjukkan bahawa Parti Keadilan Rakyat (PKR) mendapat 31 kerusi, DAP 28 kerusi dan PAS 23 kerusi di mana menjadikan jumlah kerusi pembangkang di Parlimen yang menggunakan platform Barisan Alternatif (BA) sebanyak 82 kerusi iaitu bersamaan 51.3 peratus. Undi popular (BN) pula merosot kepada 48.7 peratus berbanding 64 peratus pada 2004.² Jelas menunjukkan dari segi bilangan undi, BN tewas.

Parti pembangkang bertapak di beberapa negeri lain termasuk di Johor yang dikenali sebagai kubu kuat BN dan UMNO, tetapi kalah di Selangor yang menjadi pusat perindustrian, Perak yang kaya dengan hasil bumi, Pulau Pinang sebagai negeri pelancongan dan menjadi tumpuan pelabur terutamanya industri elektronik dan Kedah sebagai negeri jelapang padi telah terlepas kepada penguasaan BA. Begitu juga BN longlai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.³

Walaupun begitu, BN terus menguasai Parlimen. Komponen parti di Sabah dan Sarawak telah memberi sumbangan besar untuk membolehkan BN terus berkuasa di Parlimen. Tambahan pula berpandukan kepada keputusan tersebut, perkara yang paling jelas ialah sebahagian besar pengundi sama ada Melayu, Cina dan India telah mengubah haluan untuk mengundi pembangkang.

Dalam pilihan raya ini, komposisi kaum tidak relevan. Hal ini adalah disebabkan rakyat hanya membuat pilihan sama ada untuk mengundi calon BN iaitu yang menerusi UMNO, MCA, MIC atau Gerakan, atau memilih salah satu daripada calon BA sama ada melalui PKR, PAS, atau DAP yang bertanding tanpa mengira warna kulit calon. Ini dibuktikan daripada pelbagai kawasan. Contohnya, jika ia kawasan Cina atau India, jika calon yang dipilih adalah Melayu, mereka juga akan sokong selagi mana calon tersebut berada di bawah parti mereka.⁴

Perubahan mendadak ini memerlukan satu kajian yang terperinci, bukan sekadar teka teki saja. Apa pun, ia pasti bersebab dan ada alasan yang munasabah. Hakikatnya banyak isu yang dicetuskan dalam pilihan raya kali ini dan ini adalah perkara biasa dalam mana-mana pilihan raya. Justeru, untuk mara ke hadapan BN perlu berani melihat dan menganalisis semula kesilapan-kesilapan yang mungkin mereka terlepas pandang sebelum ini. Mereka perlu membuka telinga dan mata luas-luas untuk mendengar rintihan dan pandangan rakyat demi kesejahteraan dan keseimbangan politik negara.

Hak Istimewa Orang Melayu dan Agama Islam di Malaysia

Hak istimewa orang Melayu bukanlah suatu perkara yang perka

dipertikaikan kerana ia telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan di dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Tamadun Melayu adalah asas kepada pembentukan tamadun Malaysia. Sebahagian daripada sistem dan juga nilai yang wujud semasa zaman kegemilangan tamadun Melayu telah diambil dan diubah suai dalam pembentukan Malaysia seperti yang terdapat pada hari ini. Sebagai contoh, sistem-sistem yang digunakan oleh Malaysia pada hari ini seperti pemerintahan dan perundangan dipengaruhi oleh tamadun Melayu.

Malahan penggunaan agama Islam sebagai agama rasmi, pengekalan adat-istiadat tamadun Melayu melalui institusi Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu, penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia, dan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera menunjukkan kepentingan Tamadun Melayu dalam kehidupan seharian di Malaysia.⁵ Bahasa Melayu menjadi lingua franca di kalangan pedagang yang telah berdagang di kawasan ini dan bahasa Melayu ialah bahasa persatuan dan kesatuan Melayu di alam Melayu.⁶

Kontrak Sosial Antara Kaum

Suatu perkara perlu diketahui ialah tentang kontrak sosial, kemerdekaan negara Malaysia dicapai melalui perjanjian dan persefahaman antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa. Tiada maknanya kemajuan dan kecanggihan sesebuah negara itu sekiranya rakyatnya hidup dan keadaan kucar-kacir dan berpecah belah.

Perlu difahami bahawa kontrak sosial telah dicapai sejak sebelum merdeka lagi, ia menjadi satu formula terbaik bagi mewujudkan keseimbangan sosial di negara ini yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Keamanan yang dikecapi rakyat sehingga ke hari ini merupakan jaminan kepada negara untuk terus maju ke hadapan.⁷

Pemeteraian kontrak sosial ini juga turut disertai dan dipersetujui oleh parti-parti yang mereka wakili iaitu UMNO, MCA dan MIC. Istilah ini sebenarnya tidak wujud dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 tetapi dari perspektif lain, kontrak sosial sememangnya wujud dalam sejarah negara dan permuafakatan yang dicapai itulah yang mentakrifkan negara kita dan seterusnya menentukan sifat negara.⁸

Kewujudan kontrak sosial telah memberika beberapa kesan yang positif terhadap negara Malaysia dan rakyatnya. Antara kesan daripada pembentukan kontrak sosial ialah terwujudnya Perlembagaan, dan terbentuknya kemerdekaan. Dan merupakan anak kunci yang menghubungkan antara kaum yang berbilang di Malaysia. Selain itu, ia juga menjadi asas kepada kepada sistem pemerintahan yang menjadikan kita negara Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dengan konsep negeri dan persekutuan.⁹ Justeru itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat 4 elemen penting yang terdapat di dalam kontrak sosial iaitu Perlembagaan, kemerdekaan, hubungan kaum dan sistem pemerintahan.¹⁰

Orang Melayu sebagai Rakyat Pribumi

Bangsa Melayu dan penduduk pribumi merupakan penduduk asal kawasan Tanah Melayu. Melalui penjajahan British, negara Malaysia telah

menerima kedatangan kaum lain yang terdiri daripada bangsa Cina yang datang dari negara China dan bangsa India dari negara India. Kehadiran rakyat dari negara India dan China adalah untuk memenuhi ruang pekerjaan yang diperlukan kerana kekurangan tenaga pekerja. Masyarakat India telah ditempatkan di ladang-ladang dan kebanyakannya bekerja sebagai penoreh getah. Manakala masyarakat Cina ditempatkan di lombong-lombong untuk bekerja sebagai pelombong bijih timah. Sedangkan masyarakat Melayu pula tinggal di kampung-kampung dan bekerja sebagai petani.

Islam dan Melayu

Islam dan Melayu bagaikan isi dengan kuku atau aur dengan tebing. Kedatangan Islam sebagai suatu agama yang syumul dan adil telah membuka hati penduduk Nusantara dan menjadikan wilayah Nusantara ini mempunyai penduduk Islam teramai di dunia.

Menurut Perlembagaan Malaysia orang Melayu merupakan orang yang bertutur dalam bahasa Melayu, menganut agama Islam dan mengamalkan cara hidup Melayu.¹¹ Selain itu terdapat lagi dua pendapat dalam mentakrifkan maksud Melayu itu sendiri. Pertama berdasarkan rumpun bangsa atau bahasa iaitu Melayu yang tergolong dalam cabang Melayu-Indonesia atau Nusantara yang mengelompokkan bersama-sama Jawa, Sunda, Madura, Aceh, Batak, Minangkabau, Sasak, Melanau, Iban, dan Bugis. Kedua berdasarkan wilayah iaitu kawasan Asia Tenggara yang mencakupi Selatan Siam, Semenanjung Tanah Melayu, Pulau Sumatera, Jawa, Sunda, Borneo, Sulawesi, Filipina, pulau-pulau timur Indonesia dan juga bahagian-bahagian kecil daripada Kampuchea ke Vietnam. Namun hakikat sebenar yang menjadikan wilayah ini sebagai Wilayah Kepulauan Melayu atau Alam Melayu ialah penggunaan bahasa Melayu itu sendiri.¹²

Berhubung dengan hak ketuanan Melayu di bumi Malaysia yang bertuah ini dan juga berhubung dengan Raja-raja Melayu, hal tersebut tidak perlulah dipertikaikan oleh mana-mana pihak lagi kerana hal tersebut telah termaktub sejak dahulu lagi di dalam Perlembagaan Malaysia dan hal tersebut telah dipersetujui oleh pelbagai pihak telah lama lagi.

Menurut Seksyen 2 Akta Perlembagaan terdapat beberapa perkara yang termasuk dan menyentuh tentang orang Melayu dan Raja-raja Melayu. Perkara 152 berkaitan dengan bahasa kebangsaan, Perkara 153 berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu serta bumiputera dan kepentingan sah kaum-kaum lain. Manakala Perkara 181 pula berkaitan dengan kedaulatan Raja-raja dan karangan tersebut termasuk mempersoalkan tentang perlaksanaan peruntukan-peruntukan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang itu.¹³

Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan pula menyentuh tentang bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tetapi tidak melarang bahasa lain digunakan bagi apa-apa maksud lain selain maksud rasmi.¹⁴ Maksud bagi Perkara 152 (1) ini jelas menunjukkan kewujudan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan langsung tidak mengganggu gugat bahasa ibunda masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa. Setiap negara mempunyai suatu bahasa utama yang menjadi bahasa yang juga turut menjadi penghubung

di antara segenap lapisan masyarakat dan mudah difahami oleh semua bangsa. Oleh itu, kewibawaan bahasa Melayu yang telah sekian lama bertapak di Tanah Melayu sejak sekian lama menjadikan bahasa Melayu wajar dipilih sebagai bahasa kebangsaan.

Di mana-mana negara sekalipun perlembagaan lahir hasil daripada perkembangan sejarah, bukan sesuatu yang dicipta oleh pakar undang-undang. Perlembagaan juga merakamkan sifat-sifat asal negara itu merangkumi nilai tradisi, politik serta budaya. Tema inilah yang mendasari perkara tertentu dalam Perlembagaan Malaysia khususnya sistem beraja, hak istimewa orang Melayu, bahasa Melayu dan kedudukan agama Islam. Meskipun Islam adalah unsur utama yang mendasari Kesultanan Melayu, pemerincian peranan raja-raja dipengaruhi oleh faktor dan kehendak semasa.¹⁵ Contohnya, pada zaman penjajahan British peranan atau tindakan raja-raja adalah menurut nasihat iaitu ketika zaman campur tangan British.¹⁶

Kesan yang kita dapati daripada sejarah lampau yang wujud sehingga hari ini ialah kewujudan Sistem Raja Berpelembagaan yang menjadi sistem perundangan di Malaysia. Jika hal ini didalami dengan lebih teliti ia akan membawa kepada sejarah lalu Malaysia yang dahulunya lebih dikenali sebagai Tanah Melayu yang masyarakatnya ketika itu amat memulukkan raja dan berpendapat bahawa Raja mempunyai daulat dan perlu dihormati dan Raja-raja mempunyai kuasa mutlak sebagai seorang yang berkuasa kepada rakyat yang terlibat di bawah naungannya.

Namun begitu, apabila penjajah datang dan membawa sistem perundangan baru, maka sistem perundangan British mula diaplikasikan dalam perundangan negara tersebut. Meskipun undang-undang British diguna pakai tetapi Raja-raja Melayu masih lagi mempunyai peranan dan kuasa tertentu yang khas kepada raja-raja dan tidak pernah diketepikan daripada Perlembagaan. Kesultanan Melayu juga menggambarkan ciri asal negara Malaysia. Ia melambangkan kesinambungan sejarah dan menjadi sebahagian daripada identiti negara. Kewujudan Sistem Beraja dengan sendirinya menekankan ciri kemelayuan negara.¹⁷

Prof Ahmad bin Mohd Ibrahim dalam kertas kerja beliau yang bertajuk 'Prinsip-prinsip Perlembagaan Islam dalam Perlembagaan Malaysia' menyarankan:

"Cara yang lebih baik ialah dengan memandang kepada Perlembagaan Malaysia itu secara positif dan menerimanya dan berusaha melaksanakannya supaya menegakkan prinsip-prinsip kerajaan Islam. Wujudnya perlembagaan itu hasil daripada perundingan dan bertolak-ansur antara kaum-kaum di Malaya suatu ketika dahulu. Kita mesti menghormati perjanjian yang dicapai itu yang berdasarkan bertimbang rasa dan persahabatan antara kaum-kaum itu. Pada masa yang sama kita mesti mencuba berfikir dan bertindak secara positif dan menggunakan Perlembagaan itu supaya menegakkan prinsip-prinsip kerajaan Islam di masa yang sama mengambil kira kepentingan semua kaum dan bangsa di Malaysia."¹⁸

Tamadun Melayu dan Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan tamadun Malaysia.¹⁹ Islam tidak dapat diasingkan daripada sistem

politik Malaysia, terutamanya sebelum penjajah Barat bertapak di Negara ini. Dalam Undang-undang Melayu Lama, hukum Islam telah digunakan untuk menghukum pencuri dan penzina iaitu hukuman potong tangan bagi pencuri dan sebat pula dikenakan terhadap penzina. Tegasnya, hukum Islam merupakan hukum asal negara ini. Orang Melayu telah menggunakan undang-undang Islam yang bersesuaian dengan adapt-adat tempatan semenjak lama dulu lagi.²⁰

Inggeris telah memperkenalkan sistem pentadbiran yang bercorak keduniaan dan pelopornya di negara ini ialah Raffles yang juga memisahkan agama daripada pendidikan. Seterusnya, mendaulatkan undang-undang Inggeris.²¹ Kesan yang dapat kita lihat pada hari ini ialah negara Malaysia. Sungguhpun Islam merupakan agama rasmi Persekutuan tetapi Kerajaan Pusat tiada berkuasa melaksanakan soal-soal yang berkaitan dengannya kecuali untuk upacara adat istiadat.²²

Masalah Perpaduan Kaum

Sejak keputusan Pilihan Raya Umum ke 12 diumumkan sehingga ke hari ini, pelbagai isu dan masalah telah timbul. Perkara yang paling dibimbangi ialah terdapat segelintir daripada isu-isu tersebut yang boleh membawa kepada perpecahan dan terjejasnya hubungan antara kaum di Malaysia. Jika ditelusuri sejarah pembikinan perlembagaan negara, bermula dengan Perlembagaan Malayan Union pada tahun 1946 dan kemudiannya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1947, isu-isu kepentingan kaumlah yang melatari proses pembikinan perlembagaan.²³

Masalah pertama yang sejak kebelakangan ini kedengaran adalah pertikaian terhadap perkara yang sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Antara perkara yang menjadi isu perdebatan ialah mengenai Perkara 153 iaitu berhubung hak keistimewaan orang Melayu. Ia banyak dibahaskan terutama di dalam akhbar-akhbar harian seperti Utusan Malaysia, Barita Harian dan lain-lain lagi. Di sini, mereka telah mengaitkan PKR dan DAP yang menjadi komponen terpenting dalam Pakatan Rakyat (PR) dengan isu kesamarataan yang dikatakan menjadi komponen terpenting dalam parti-parti mereka.²⁴

PR dikatakan menuntut untuk mewujudkan sebuah negara yang bersifat egalitarianisme iaitu keseluruhan rakyat Malaysia dapat menikmati kehidupan yang sama rata, sama taraf, sama status dan sama dalam segala perkara. Maka perkara-perkara seperti ketidakadilan sosial, diskriminasi dan sebagainya tidak akan dirasakan lagi. Bahkan ia juga merupakan satu manifestasi hak asasi manusia secara keseluruhannya di mana tuntutan supaya hak bumiputera khususnya keistimewaan Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan turut didesak agar diberikan juga kepada kaum-kaum yang lain.²⁵

Namun, perkara ini telah dinafikan oleh pihak pembangkang sendiri dengan mengatakan bahawa isu politik perkauman yang sedang dibahaskan ini adalah merupakan bahan yang digunakan untuk mengelabui pandangan rakyat yang sebenarnya merupakan usaha terdesak mereka untuk menyelamatkan kepentingan segelintir golongan elit politik dan kroni kerajaan Barisan Nasional (BN).²⁶ Selain itu, mereka juga turut menegaskan pendirian mereka iaitu mereka menjunjung prinsip-prinsip dasar yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ini

termasuklah soal-soal dasar seperti kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan dan menjamin kebebasan mengamalkan agama-agama lain, kedaulatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu serta kedudukan hak-hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera serta hak-hak semua kaum yang telah dijamin oleh Perlembagaan.

Kedua, masalah atau isu pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang disifatkan sebagai bertentangan dengan semangat kontrak sosial. Dasar ini dikatakan memberi layanan istimewa kepada masyarakat Melayu atau bumiputera dan merupakan satu bentuk diskriminasi kepada kaum-kaum lain yang menjadikan mereka sebagai rakyat kelas kedua (*second class citizen*). Sedangkan kontrak sosial sepatutnya mewujudkan '*common citizenship*' yang menerima semua rakyat sebagai rakan setara. Walaubagaimanapun, sejauhmana isu tersebut ditimbulkan masih menjadi persoalan iaitu adakah ia merupakan satu pertuduhan kepada pihak lain demi kepentingan pihak tertentu atau satu kebenaran fakta yang ingin diungkapkan oleh sesebuah pihak dalam menyatakan kebenaran di sebalik sesuatu perkara yang berlaku.²⁷

Perkara ini dipercayai dicetuskan sejak kerajaan baru Pulau Pinang (yang dikuasai oleh parti pembangkang) tidak melaksanakan DEB berikutan pandangan mereka tentang perkara tersebut yang tidak pernah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia²⁸ dan tidak wajib untuk dilaksanakan. Hal ini telah menyebabkan mereka disifatkan sebagai memperalatkan orang Melayu demi kepentingan mereka sendiri.

Oleh yang demikian, PR berpendapat UMNO Pulau Pinang sengaja meniupkan sentimen perkauman bagi menaikkan kemarahan orang Melayu di negeri itu untuk menunjukkan mereka masih mempunyai sokongan selepas tewas dalam PRU 12 untuk kekal memerintah negeri tersebut. Menurut mereka secara hakikatnya, DEB yang diperkenalkan pada tahun 1971 telah tamat tempoh perlaksanaannya pada 1990 dan digantikan dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) (1991-2000) serta Dasar Pembangunan Wawasan (DPW) (2001-2010).²⁹

Berbalik kepada sejarah penubuhan DEB yang diperkenalkan selepas insiden rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, ia dikatakan memberi makna kepada kontrak sosial dan Perkara 153. Ini kerana sejak 10 tahun daripada tarikh kemerdekaan Tanah Melayu, orang Melayu atau bumiputera masih lagi bergelumang dengan kemiskinan dan menunjukkan perkara tersebut dan terma kontrak sosial yang melandasinya tidak bermakna. Oleh itu, DEB yang diperkenalkan sebenarnya adalah untuk membina kaupayaan ekonomi kaum Melayu.³⁰

Namun dalam mengupas hal ini, Anwar Ibrahim yang merupakan ketua PR pula mengatakan bahawa pelaksanaan DEB selama ini yang matlamat asalnya untuk mencapai keadilan sosial dan memupuk semula perpaduan nasional telah dikaburi oleh BN. Ia telah disalahgunakan untuk memuaskan nafsu segelintir pemimpin-pemimpin UMNO, keluarga, kroni dan rakan-rakan mereka di kalangan pimpinan MCA dan MIC yang membolot saham, kontrak dan program penswastaan. Malah dengan mata indeks pembangunan manusia sebanyak 0.793, Malaysia sudah teramat hampir dengan 0.800 mata untuk dikategorikan sebagai negara maju.³¹ Tetapi malangnya, Malaysia terangkul di antara negara dengan

pembangunan manusia yang meningkat tetapi ketidaksamaan ekonomi terus membesar. Begitu juga dengan perbezaan kawasan bandar dan desa yang amat ketara yang tidak diselesaikan oleh tindakan alternatif DEB.

Justeru kini mereka telah bertegas untuk melaksanakan Agenda Ekonomi Malaysia (AEM) yang mana ditawarkan oleh parti keADILan yang dikatakan lebih adil dan saksama serta berperanan untuk memastikan tiada seorang pun yang ketinggalan di belakang tanpa mengira agama dan bangsa mereka. Tetapi dalam masa yang sama, kepentingan orang Melayu dan agama Islam akan kekal terpelihara seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.³²

Seterusnya, isu perkauman di Malaysia telah dirancakkan lagi berikutan penahanan tiga individu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di atas kesalahan menimbulkan perkara-perkara yang sensitif yang melibatkan isu-isu perkauman antara masyarakat majmuk di Malaysia. Mereka yang ditahan termasuklah ahli Parliman DAP, YB Teresa Kok Su Sim, Raja Petra Kamaruddin, dan wartawan, Tan Hoon Cheng pada 12 September 2008 yang lalu.

Latar belakang masalah ini adalah kompleks untuk dibincangkan. Pada suatu sudut, terdapat insiden kenyataan Ketua Bahagian UMNO Bukit Bendera, Datuk Ahmad Ismail pada kempen pilihanraya kecil 2008 bahawa kaum Cina di Malaysia merupakan golongan '*pendatang*'. Insiden tersebut telah dilaporkan oleh Tan Hoon Cheng dan inilah yang menimbulkan ketegangan antara Gerakan dan MCA dengan UMNO.³³ Pelbagai spekulasi juga dilakukan oleh pelbagai pihak sama ada menyokong atau membantah tindakan Tan Hoon Cheng tersebut.

Kemudian, muncul pula isu azan dan Teresa Kok. Beliau dikatakan telah terlibat dalam usaha menghentikan azan di sebuah masjid di Kota Damansara dan petisyen memperlakan azan di sebuah masjid di Kinrara. Begitu juga dengan emel-emel beliau dalam isu menurunkan papan tanda jawi yang turut diedarkan secara meluas beberapa hari selepas itu.³⁴

Akhir sekali, isu Raja Petra Kamaruddin iaitu web master Malaysia Today. Beberapa agensi Islam membuat laporan polis terhadap tulisannya di dalam web tersebut berikutan penulisannya yang mempunyai unsur menghina³⁵ dan boleh membangkitkan kemarahan umat Islam. Malah setelah peristiwa itu, akses kepada domain Malaysia Today dihentikan sekaligus mengkhianati jaminan kerja untuk projek Multimedia Super Corridor (MSC). Beliau akhirnya telah diputuskan untuk ditahan selama dua tahun mengikut ISA dan dihantar ke Kem Tahanan Kamunting, Taiping kerana didakwa boleh mengganggu dan mengancam keselamatan serta ketenteraman awam.

Berhubung dengan penahanan mereka di bawah ISA menyebabkannya menjadi topik hangat yang dibahaskan di kalangan pelbagai pihak sekarang ini berhubung penentangan dan kewajaran ISA itu sendiri. Ini kerana menurut sesuatu pihak, mereka berpendapat bahawa ISA merupakan satu tindakan yang tidak wajar dan bertentangan dengan prinsip keadilan itu sendiri iaitu hak untuk dibicarakan sebelum dikenakan sebarang hukuman.³⁶ Manakala di suatu pihak lagi pula bersetuju dengan perlaksanaan ISA sebagai tindakan terhadap sesiapa sahaja yang mencetuskan polemik perkauman dan mengancam keselamatan negara.³⁷

Masalah lain yang turut timbul termasuklah berkaitan dengan cadangan

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang mana telah mencadangkan 10% daripada jumlah kuota pelajar di UiTM dibuka kepada bukan bumiputera dan pelajar asing.³⁸ Perkara ini telah mendapat pelbagai tentangan daripada pelbagai pihak termasuk pelajar-pelajar UiTM sendiri akibat bertentangan dengan dasar universiti tersebut yang diwujudkan untuk menjaga kepentingan bumiputera dalam bidang pendidikan. Malah isu terbaru yang berlaku yang mana melibatkan masalah perkauman ialah tentang perjuangan Barisan Bertindak Hak-hak Hindu (HINDRAF) yang disifatkan sebagai gerakan berdasarkan perkauman.

Mereka dikatakan telah beberapa kali melakukan pertentangan secara beramai-ramai atau rusuhan bagi membuat pelbagai tuntutan yang tidak wajar terhadap hak-hak kaum India termasuklah perkara-perkara yang berhubung masalah kemiskinan, setinggalan, dan lain-lain lagi. Ini diikuti dengan pertentangan terhadap tindakan kerajaan Selangor merobohkan Kuil Sri Maha Kaliamman di Kg. Tasik, Ampang³⁹ dan tuntutan mereka agar membebaskan pemimpin dan rakan-rakan mereka yang ditahan di bawah ISA sebelum ini di rumah terbuka Aidilfitri Perdana Menteri dan menteri-menteri Kabinet yang beragama Islam. Tindakan mereka ini dianggap sebagai biadap kerana tidak menghormati majlis perayaan yang diadakan ketika itu dan juga mencabar kewibawaan Perdana Menteri itu sendiri.

Maka merujuk kepada masalah-masalah tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat ciri-ciri *asabiyyah* yang diperjuangkan oleh kaum-kaum di Malaysia dan sikap kurang menghormati pemimpin sudah mula berlaku. Begitu juga dengan kedudukan agama Islam itu sendiri yang dirasakan semakin terancam sepertimana yang diprovokasikan oleh pencetus-pencetus isu perkauman itu sendiri sama ada melalui blog, penulisan-penulisan dalam akhbar dan majalah serta tuntutan-tuntutan hak yang menginginkan kesamarataan dalam kehidupan beragama.

Sebagai contoh, isu forum '*peluk Islam*' yang ingin diadakan oleh majlis peguam yang pernah timbul suatu ketika dahulu telah dianggap mencabar institusi-institusi Islam di negara ini, kerana bagaimana mungkin membiarkan '*orang yang tidak layak*' untuk bercakap dan berhujah mengenai agama Islam. Justeru, semua badan-badan dan Institusi Islam samada kerajaan atau NGO bangkit untuk menghentikan forum tersebut.

Selain itu, kefahaman rakyat terhadap kontrak sosial dan hak keistimewaan Melayu yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan perlu difahami dengan mendalam agar keharmonian masyarakat dapat dicapai semula. Selain itu, segenap usaha yang dilakukan demi membawa ketinggian martabat dan kedudukan orang-orang Melayu tidak boleh dilihat sebagai *asabiyyah*. *Asabiyyah* pada dasarnya dapat difahami sebagai semangat perkauman yang sempit.⁴⁰ Oleh sebab itu, sebagai kaum teras di negara ini, adalah amat wajar mereka diberikan sokongan oleh semua pihak lantaran sudah lama diketepikan oleh penjajah daripada menikmati hak sebagai masyarakat pribumi suatu ketika dahulu.⁴¹

Walaupun semangat kebangsaan di Malaysia tidak seperti '*nasionalisme*' yang diperjuangkan oleh golongan sekular Barat⁴², namun sebagai umat Islam yang

berkongsi akidah yang satu, perlu menyedari yang persaudaraan antara manusia berdasarkan hubungan akidah lebih tinggi, mengatasi semua hubungan samada hubungan bangsa, kaum, darah, warna kulit dan merentasi dunia. Jadi, sepatutnya, tidak timbul isu golongan Hindu Muslim yang terkilan kerana dilayan seperti 'orang luar' oleh saudara sesama sendiri hanya kerana mereka berbangsa India, bukan Melayu. Begitu juga hal kebimbangan orang Muslim yang ingin menganut Islam dimomokkan dengan 'masuk Melayu' dan perlu tukar kepada nama Melayu.⁴³

Masalah Politik Orang Melayu-Islam

Kepimpinan tertinggi di Malaysia ditadbir oleh orang Islam, walau bagaimanapun terdapat juga anggota kabinet yang terdiri di kalangan bukan muslim. Perkara ini bukan asing malah diharuskan dalam Islam kerana sejarah Islam juga melakarkan yang mana orang Kristian pernah diberi kuasa memegang jawatan Menteri Eksekutif dalam kerajaan Abbasiyah⁴⁴, asalkan jawatan yang bukan khusus berkisar kepada hal-ehwal umat Islam. Tambahan pula, fenomena unik politik Malaysia ialah kewujudan warganegara bukan Islam dengan jumlah hampir menyamai jumlah warganegara Islam. Status mereka bukan lagi sebagai warga bukan Islam yang dilindungi (*zimmi*) seperti yang banyak diperkatakan dalam karya-karya klasik politik Islam.⁴⁵

Di Malaysia, terdapat beberapa parti politik yang pucuk pimpinannya diterajui oleh orang Melayu-Islam iaitu UMNO, PAS dan KeADILan. Masing-masing memperjuangkan ideologi atau prinsip parti masing-masing. Namun apa yang boleh dicari atau seharusnya dicari ialah titik temu antara ketiga-tiganya untuk kepentingan umat Islam sendiri iaitu masing-masing harus mengeneppikan sentimen kepartian mereka dan bersatu dibawah nama Islam.

Parti UMNO sebagai contoh, memperjuangkan nasib orang Melayu dan bangsa Melayu serta mempertahankan hak-hak penduduk peribumi sejak awal penubuhannya. Kebangkitan menentang penjajah menjadikan golongan yang bersemangat kebangsaan dan golongan yang memperjuangkan agama Islam menjadi seiring. Mereka bangkit menentang kerana sayangkan agama, bangsa dan tanahair mereka. Maka, sejarah perjuangan kebangsaan Melayu mempunyai pertalian rapat dengan cita-cita keislaman bangsa tersebut.⁴⁶

Namun, setelah menelusuri pemerintahan negara selama 50 tahun, sepanjang perjalanannya, UMNO dilihat lebih memperjuangkan orang Melayu sahaja, tanpa cenderung kepada menjaga hal-ehwal agama Islam. Inilah yang menjadikan perbezaan ideologi yang begitu ketara antara UMNO-PAS. Malah, kini, UMNO dilihat sudah tempang dan tidak mampu untuk memperjuangkan nasib orang Melayu sekalipun, apabila semakin banyak pergolakan dalaman yang dihadapinya. Dan akhirnya, dikatakan Pilihanraya Umum yang ke-12 lalu menjadi kayu ukur terhadap kegagalan UMNO sebagai sebuah parti yang memperjuangkan bangsa Melayu.

PAS juga mengharungi naik-turun politiknya yang tersendiri sezaman dengan UMNO. Dan akhirnya memutuskan bahawa parti itu sememangnya sebuah parti yang memelihara Islam dan memperjuangkan cara hidup Islam yang memberi keamanan kepada semua kaum tanpa mengira bangsa, keturunan mahupun

warna kulit. Dahulu, mungkin kelantangan PAS menginginkan terbentuknya sebuah 'Negara Islam' sedikit-sebanyak menakutkan orang bukan Islam yang tidak memahami Islam dengan sebenar. Namun, kini, PAS telah menggunakan pendekatan yang dilihat lebih baik, kerana akhirnya parti itu mendapat sokongan pengundi bukan Islam juga.

Antara pendekatannya ialah mengadakan 'tahalluf' dengan rakan-rakan bukan beragama Islam, dengan mencari titik persefahaman antara mereka. Maka titik pertemuan yang dapat dicapai di antara parti-pari Pakatan Rakyat yang dibentuk PAS-KeADILan-DAP adalah untuk menegakkan keadilan, melakukan kebaikan kepada rakyat, menentang akta yang zalim seperti ISA, penyelewangan dan sebagainya. Selain itu, PAS juga tidak lagi mengisytiharkan untuk membentuk 'Negara Islam', kerana mengikut Nabi Muhammad s.a.w. yang terus membina perkara-perkara yang menjadi kandungan kepada negara Islam, tanpa perlu menyebut tentang negara Islam.⁴⁷

Mungkin didasari perasaan ingin memperjuangkan nasib orang Melayu dan Islam di negara ini, PAS telah dijemput oleh UMNO untuk mengadakan pertemuan yang dinamakan *Muqabalah*, ianya bagi PAS, didasari kepada perintah Allah dalam surah al-Anfal (ayat 61-63). Kesempatan ini digunakan oleh PAS untuk memberi pandangan yang diharapkan dapat membawa kepada anjakan paradigma terhadap minda kepimpinan negara yang boleh mengubah suasana politik yang dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat. Namun sebarang usaha untuk UMNO dan PAS bergabung adalah mustahil dan ditolak oleh PAS.⁴⁸ Umat Islam menghadapi masalah lagi apabila isu ini dipolitikkan dan terus menjadi isu politik kepartian.

Kenyataan Anwar Ibrahim, penasihat Parti Keadilan Rakyat (keADILan) bahawa Pakatan Rakyat⁴⁹ untuk membentuk kerajaan 16 September 2008 lalu amat mengejutkan semua pihak. Malah mungkin mengakibatkan politik negara berada dalam keadaan huru-hara. Ada yang gembira, malah ada juga yang bimbang, apakah hala tuju rakyat pada masa akan datang. Dan bagi umat Islam, apa yang harus dirisaukan adalah adakah agama Islam akan terpelihara dan dimartabatkan. Inilah yang dibimbangi dan dipersoalkan oleh PAS yang dikatakan membawa panji Islam di dalam perjuangan parti mereka. PAS mahu Islam dipelihara dan jika tidak mereka akan mengkaji semula kedudukannya dalam PAKATAN.⁵⁰

Dan pada 16 September 2008, Anwar Ibrahim tidak membentuk kerajaan baru seperti yang diwar-warkan dan dikatakan akan menanggungkan hasratnya kepada tarikh yang belum diputuskan. Walaubagaimanapun, umat Islam masih dalam kebimbangan apakah yang sepatutnya dipilih oleh mereka, kerana mereka tidak tahu siapakah yang benar-benar akan memelihara Islam. Tentu sekali ada dikalangan umat Islam yang mengharapkan kerajaan baru yang bakal dibentuk dapat memartabatkan agama Islam dengan sebenar-benarnya, dan masyarakat majmuk dapat hidup harmoni di bawah naungan pemerintahan Islam seperti suatu masa dahulu.

Apa yang pasti, selepas Pilihanraya Umum ke-12, isu politik negara menjadi isu utama dan tidak putus-putus menjadi agenda utama di negara ini. Seolah-olah tampanan PRU-12 dirasakan begitu hebat kerana semua parti politik tidak boleh

duduk diam terutamanya untuk membangkitkan kembali mana yang lemah dan meneguhkan mana yang sedia ada. Namun bagi umat Islam, adakah senario ini membantu meningkatkan taraf kebajikan mereka, atau dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh umat Islam terutamanya dari segi ekonomi, sosial dan sebagainya. Inilah yang menjadi masalah sebenar umat Islam di Malaysia pada hari ini.

Simpulan

Merujuk kepada masalah-masalah yang timbul, pergolakan yang berlaku jika dilihat daripada sudut positif adalah menandakan politik di Malaysia sedang menuju ke sebuah era politik baru dan agar kita dapat mencari titik persefahaman yang lebih ideal. Hal ini adalah supaya rakyat dan negara menjadi lebih stabil pada masa akan datang. Mungkin juga rakyat sudah lebih terbuka dan memahami hak-hak mereka dan menginginkan sebuah kerajaan yang aman serta boleh menjamin kemaslahatan semua kaum di negara ini.

Begitu juga, apabila terjadinya peristiwa-peristiwa seperti yang dibincangkan sebelum ini ia sekaligus menuntut kita agar kembali merenung kepada sejarah lampau dan mengambil iktibar daripadanya.

Mungkin rujukan kepada pakar-pakar agama diperlukan supaya kerajaan yang ada lebih dekat dengan apa yang dibina oleh Rasulullah s.a.w. Perkara yang sememangnya bercanggah dengan Islam tidak perlu dipertikaikan lagi dan perlu dihapuskan. Di sini, kita tidak perlu merujuk kepada undang-undang Inggeris yang lapuk itu, tetapi bebas mencari undang-undang lain yang tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Suatu fasal hendaklah digubal dalam perlembagaan yang bertujuan mana-mana undang-undang di Malaysia yang bertentangan dengan undang-undang Islam, maka hendaklah undang-undang itu terbatal setakat mana ia bertentangan itu.

Catatan Akhir

¹Dalia Ismail, (Mac 2008), *Kesedaran Pengundi*, MILENIA Muslim Bil. 67, hal. 27.

²Mior Kamarul Shahid, (April 2008), *Analisis Keputusan PRU 12*, MILENIA Muslim Bil. 68, hal. 18.

³*Ibid.*

⁴*Ibid.*, hal. 19.

⁵Zainal Abidin Borhan, et.al., (2006), *Tamadun Melayu Sebagai Asas dan Kelangsungan Tamadun Malaysia, Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, hal. 333.

⁶*Op. cit.*, hal. 336.

⁷<http://www.malaysiakini.com/news/81286>

⁸*Ibid.*

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Wan Abdul Kadir, (2002), *Tradisi dan Perubahan Masyarakat dan Budaya Melayu*, hal. 1.

¹² Mohd Koharuddin bin Mohd Balwi, (2005), *Peradaban Melayu*, hal. 5.

¹³ Ahmad Ibrahim et. al, (1999), *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*, hal. 31.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Op.cit.*, hal. 42.

¹⁶ *Ibid.*, hal. 43.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Zainal Abidin Borhan, et.al, (2006), *Tamadun Melayu Sebagai Asas dan Kelangsungan Tamadun Malaysia, Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, hal. 333.

²⁰ Abdul Rahman Nawas, Nawawee Mohammad, Omardin Haji Ashaari, et.al., (1995), *Tamadun Islam*, hal. 237.

²¹ *Op. cit.*, hal. 238.

²² *Ibid.*

²³ Marzuki Mohamad, (September 2008), *Kesabaran Melayu diuji Lagi*, MILENIA Muslim Bil. 73, Penerbit hlmn. 17.

²⁴ Anuar Ahmad, (10 September 2008), *Tercabarnya Hubungan Etnik*, *Utusan Malaysia*, hal. 6.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ <http://www.suarakeadilan.com/sk/berita-semasa/2008/09/1368>

²⁷ Mohd Khairi Wan Ali, (07 September 2008), *Pertahan Perkara 153*, *Utusan Malaysia*, hal. 16.

²⁸ <http://www.suarakeadilan.com/sk/berita-semasa/politik/2008/03/762>

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Op. Cit.*

³¹ *Op. Cit.*

³² <http://www.suarakeadilan.com/sk/berita-semasa/politik/2008/03/754>

³³ http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1014&pub=utusan_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma_05.htm&arc=hive

³⁴ http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1014&pub=utusan_malaysia&sec=parlimen&pg=pa_04.htm&arc=hive

³⁵ http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0905&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_16.htm

³⁶ <http://www.suarakeadilan.com/sk/berita-utama/2008/09/1379>

³⁷ http://www.utusan.com.my/utusaninfo.asp?y=2008&dt=1013&pub=utusan_malaysia&sec=politik&pg=po_27.htm&arc=hive

³⁸ <http://www.suarakeadilan.com/sk/?s=kuota+uitm>

³⁹ <http://www.suarakeadilan.com/sk/berita-semasa/nasional/2008/09/1382>

⁴⁰ Khairul Azmi Mohamad & Faizal Fadzil, (2001), *Konsep Pembangunan Ummah dalam Islam Perspektif Malaysia*, hal. 25.

⁴¹ Mohamad Kamil Hj Abd Majid dan Dr Mohd Fauzi Hamat, (2005), *Pemikiran Ibn Khaldun Mengenai Sifat dan Amalan Negatif Yang Boleh Meruntuhkan Kepimpinan Islam*, *Jurnal al-Tamaddun*, Bil 1, hal. 146.

⁴² Mohamad Abu Bakar, (1984), *Islam dan Aspirasi Kebangsaan Dalam Masyarakat Melayu Masa Kini*, *Malaysia Masa Kini*, hal. 161.

⁴³ Hafiz Firdaus Abdullah, (September 2008), *Permudah dan Gembirakan Orang Peluk Islam*, *Majalah I*, bil 71. hal. 14.

⁴⁴ Mohd Rumaizuddin Ghazali (2004), *Sains Politik Islam*, hal. 195.

⁴⁵ *Ibid*, hal. 192.

⁴⁶ Mohamed Abu Bakar, (1984), *Islam Dan Aspirasi Kebagsaan Dalam Masyarakat Melayu Masa Kini*, hal. 154.

⁴⁷ Husam Musa, (14-20 September), *Kenyataan Nasib Presiden PAS, SIA SAH*. hal. 3.

⁴⁸ Sharil Taib, (8-14 Ogos 2008), *HARAKAH*, hal. 9.

⁴⁹ Barisan Alternatif, Iaitu Dibentuk oleh Parti-parti Pembangkang PAS-KeADILan-DAP.

⁵⁰ Husam Musa, (14-20 September), *Kenyataan Nasib Presiden PAS, SIA SAH*, hal. 3.